



**KERAJAAN NEGERI**

---

**PEKELILING INTEGRITI PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PIPANS)  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

---

**BAHAGIAN INTEGRITI DAN GOVERNANS NEGERI SABAH (BIGoNS)**

---

Diedarkan kepada:

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Presiden Majlis Perbandaran  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

## **1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling Integriti Perkhidmatan Negeri Sabah (PIPANS) Bilangan 1 Tahun 2023 ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Sabah berhubung penubuhan Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah (BIGoNS) sebagai entiti induk dalam pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah (GIA) di Pentadbiran Negeri Sabah.
- 1.2. Bagi maksud Pekeliling ini, “**Pentadbiran Negeri Sabah**” merangkumi Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri, Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK) dan mana-mana entiti lain di bawah kawalan atau kepentingan Kerajaan Negeri Sabah.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pengurusan GIA melalui penubuhan Unit Integriti (UI) di peringkat Kerajaan Persekutuan dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2013 apabila Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 (PP Bil 6/2013) dikeluarkan. Pekeliling ini menerangkan fungsi UI sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam dengan melaksanakan enam fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesahan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib. Inisiatif penubuhan UI adalah untuk memastikan penjawat awam bebas daripada ancaman rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berlandaskan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan.

- 2.2 PP Bil 6/2013 telah digantikan apabila Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia memperkenalkan **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1 Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam**. Pekeliling ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh seterusnya meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.
- 2.3 Di peringkat Pentadbiran Negeri Sabah, pewujudan Unit Pengurusan Integriti dalam Perkhidmatan Awam Negeri telah mula dikuatkuasakan pada 3 Mei 2006 melalui surat rujukan **JKM(S) 100-15/167 (02)**. Bagi menyokong pengenalan PP Bil 6/2013, UPI telah dijenamakan sebagai Unit Integriti Negeri Sabah berkuat kuasa 1 Julai 2014 melalui Surat Pekeliling **JPAN(S) 900-1/220 (53)** bertajuk **Pemantapan Unit Integriti Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri** yang menjalankan enam fungsi teras sebagaimana yang terkandung dalam PP Bil 6/2013. Pada tahun 2022, Unit Integriti Negeri Sabah telah dinaiktaraf menjadi Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah (BIGoNS) melalui rujukan **JPAN(S) 900-3/156 Klt.26(38)** bertarikh **26 Julai 2022** yang turut melaksanakan enam fungsi teras sedia ada.

### 3. STRUKTUR BIGoNS

BIGoNS terletak di bawah Jabatan Ketua Menteri dan dikawal selia oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

## **4. FUNGSI BIGoNS**

4.1 BIGoNS hendaklah mempunyai fungsi-fungsi seperti yang berikut:

4.1.1 Bertanggungjawab sebagai entiti induk dalam mengawal selia pengurusan GIA di Pentadbiran Negeri Sabah.

4.1.2 Melaksanakan enam fungsi teras seperti yang berikut:

**a) Pengurusan Aduan**

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi;

**b) Pengesanan dan Pengesahan**

- i. Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
- ii. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

**c) Tadbir Urus**

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;

**d) Pengukuhkan Integriti**

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

**e) Pematuhan**

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa; dan

**f) Tatatertib**

Memantau pengurusan tatatertib di organisasi.

4.1.3 Bertanggungjawab sebagai pusat rujukan dan khidmat nasihat mengenai pengurusan GIA.

4.1.4 Bertindak sebagai *focal point* dalam pengurusan GIA dengan pihak-pihak luar.

4.1.5 Menyelaras inisiatif-inisiatif GIA yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

4.1.6 Mengeluarkan garis panduan bagi maksud pelaksanaan baik GIA.

4.2 Selaras dengan pengenalan **Arahan YAB Ketua Menteri No. 1 Tahun 2023**: Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pentadbiran Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2023 mengenai Pekeliling Integriti Perkhidmatan Negeri Sabah (PIPANS), BIGoNS diberi tanggungjawab dalam mengawal selia, menetapkan siri dan nombor bilangan, menyelaras dan memantau pelaksanaan PIPANS. BIGoNS turut dikehendaki mengemukakan pelaporan pelaksanaan PIPANS dari semasa ke semasa sebagaimana diperlukan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

## **5. PELAPORAN**

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan GIA ini, BIGoNS hendaklah mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan fungsi-fungsinya kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkepentingan sebagaimana diperlukan.

## **6. PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, surat pekeliling rujukan **JPAN(S):900-1/220(53)** bertarikh **21 Julai 2014** adalah **DIBATALKAN**.

Sekian.



**( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP. )**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah**

Tarikh: **3 Julai 2023**